

40 TERIMA BIASISWA FAIR & LOVELY



MAJLIS Anugerah bagi penerima biasiswa Fair & Lovely Biasiswa 2016.

RENCANA

Seramai 40 pelajar wanita yang mengikuti pengajian peringkat diploma dan ijazah di universiti awam (UA) dipilih sebagai penerima biasiswa Fair & Lovely berjumlah RM200,000 tahun ini.

Penganugerahan itu membabitkan penuntut dari Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang mencapai purata nilai gred kumulatif (PNGK) minimum 3.0, selain aktif dalam

kokurikulum.

Pada majlis penyampaian biasiswa yang berlangsung baru-baru ini, masing-masing menerima pembayaran RM5,000 bagi membantu menampung kos yuran pengajian dan pembelian buku.

Inisiatif yang

memasuki tahun kedua itu selaras komitmen Fair & Lovely untuk mengubah dan memberi inspirasi kepada kehidupan wanita menerusi pendidikan, kecantikan serta keyakinan diri.

Pengurus Jenama Fair & Lovely, Unilever (Malaysia) Holdings Sdn Bhd Callista Fernandez, berkata langkah itu sejajar peningkatan kos sara hidup kini yang menyebabkan ramai siswa berdepan masalah kewangan.

"Impian kami adalah menjadi jenama yang bukan sahaja menerajui aspek kecantikan dan keyakinan untuk wanita tetapi juga mengambil berat terhadap cita-cita serta peluang pendidikan mereka," katanya.

Penerima dari

UTHM, Nur Shafiqah Zulkefli, mengakui penganugerahan biasiswa itu dapat meringankan beban keluarga dan membantu ke arah pencapaian cita-citanya.

"Saya kini lebih bersemangat mengikuti pengajian dalam bidang diminati tanpa perlu bimbang kekangan kewangan," katanya.

Sementara itu duta jenama Fair & Lovely, Daiyan Trisha, berkata penganugerahan biasiswa terbabit menyediakan platform untuk wanita muda melanjutkan pelajaran ke peringkat tertinggi.

"Pendidikan memang penting kepada wanita sebagai langkah pertama untuk memenuhi impian," kata Daiyan.